

'Jangan terlalu ghairah dengan bentuk'

BM 29 APR 1986

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, riba yang dilarang oleh Islam patut ditafsir dalam bidang kewangan dan perdagangan di segi zat dan bukan bentuknya.

Dengan pentafsiran demikian, Perdana Menteri berkata, ia akan mengukuhkan sistem kewangan umat Islam dan membolehkan perdagangan serta kehidupan sosialnya menampung masyarakat adil dan saksama.

Merasmikan Seminar Memajukan Satu Sistem Peralatan Kewangan Islam di sini hari ini, beliau berkata, orang Islam terlalu ghairah dengan bentuk daripada zat dalam tafsiran mereka mengenai kewangan dalam Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir menyual adakah benar Islam tidak mempedulikan kesusahan dan penindasan yang terjadi asalkah perintahnya dipatuhi.

"Adakah tafsiran ini benar? Mungkinkah kita

satu bentuk riba yang kita benci, bukan riba sebagai satu punca penderitaan yang menjadi sebab ia dilarang oleh Islam," jelasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun perkongsian keuntungan yang menggantikan faedah dalam sistem bank Islam mungkin satu cara pembiayaan, apa yang nyata ialah orang Islam mempunyai lebih banyak wang daripada perniagaan untuk dibiayai.

Itulah sebabnya kenapa peribu-ribu juta dolar wang umat Islam disimpan dalam bank-bank bukan Islam yang menikmati faedah daripada wang itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kesilapan membuat pentafsiran

telah diberikan tafsiran yang salah? Tidakkah mungkin dalam Islam zat adalah lebih penting daripada bentuk," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau mengambil risiko mempersoalkan tafsiran al-Quran dan Hadis yang dibuat oleh ulama-ulama, iaitu sebarang faedah atau bunga, bagaimana kecil pun, dianggap sebagai riba.

Kesilapan

"Bayaran perkhidmatan pun dianggap sebagai riba dan tidak diambil. Berjuta-juta dolar wang orang Islam disimpan dalam bank di negara-negara bukan Islam, sama ada kita mengambil faedah atau bunga atau tidak, ia tidak menjadi persoalan," katanya.

Tambah beliau, apa yang nyata ialah wang itu dipinjamkan oleh bank-bank tadi dengan faedah dan kadangkala ia dipinjamkan kepada musuh Islam.

Katanya, bank-bank bukan Islam itu menikmati faedah daripada wang umat Islam sedangkan faedah itu sepatutnya boleh membiayai kebajikan orang kita semula.

"Akibatnya kita terhangus daripada menerima bantuan itu kerana ia

mengenai Islam seperti itu juga berlaku dalam perniagaan kini.

Katanya, keuntungan 1,000 peratus yang diperolehi pada satu ketika melalui penjualan petroleum dan harga yang tinggi menjejaskan ramai rakyat miskin.

"Memang jelas keuntungan yang sangat besar itu menjejaskan sebahagian besar rakyat, malah ramai yang menderita kerana tidak mampu membeli minyak dan jika mereka membelinya, mereka tidak mempunyai wang untuk membeli keperluan lain menyebabkan mereka menderita.

"Tetapi kami mentafsirkan ajaran Islam sebagai menyebut bahawa keuntungan besar-besaran bukanlah suatu jenayah berbanding pengambilan riba, walaupun dalam jumlah sekecil-kecilnya.

"Dan, kita tidak menghiraukan penderitaan yang kita lakukan seolah-olah menderita adalah satu cara hidup dalam Islam," katanya.

Mengenai bank dan institusi kewangan Islam, beliau berkata, mereka yang hidup hari ini menjalankan perniagaan dalam suasana yang sangat terhad.